




INDEKS HARGA PENGELUAR PENGELUARAN TEMPATAN 2024

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)
Pengeluaran Tempatan meningkat
0.3 peratus pada 2024




IHPR MENGIKUT SEKTOR


Pertanian, perhutanan
& perikanan




Perlombongan




Pembuatan



Bekalan elektrik & gas




Bekalan air




IHPR MENGIKUT PERINGKAT PEMROSESAN


1 Bahan mentah untuk
diproseskan
selanjutnya



2 Bahan perantaraan,
bekalan & komponen




3 Barang siap




Nota : 2024 2023

INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP) 2024

Indeks Harga Pengeluar
Perkhidmatan (IHPRP) meningkat
0.7 peratus pada 2024



IHPRP MENGIKUT SUBSEKTOR




Nota : 2024 2023


Sumber: Analisis Indeks Harga Pengeluar Tahunan 2024, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Data Siri Masa

IHPR PENGELUARAN TEMPATAN, 2011 – 2024



INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN, 2011 - 2024



Indeks Harga Pengeluar Malaysia meningkat 0.3 peratus, manakala Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 0.7 peratus pada 2024

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

- IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat 0.3 peratus pada 2024, berbanding penurunan 1.9 peratus pada 2023. Peningkatan ini didorong oleh peningkatan 7.9 peratus dalam sektor Pertanian, perhutanan & perikanan, selepas mencatatkan penyusutan ketara 13.8 peratus pada tahun sebelumnya. Sektor utiliti juga kekal positif, dengan indeks bagi Bekalan elektrik & gas serta Bekalan air masing-masing meningkat sebanyak 0.6 peratus dan 6.5 peratus. Sementara itu, sektor Perlombongan mencatatkan penurunan 2.0 peratus, berbanding penurunan 5.9 peratus yang direkodkan pada 2023. Sektor Pembuatan pula mencatatkan penurunan perlahan 0.3 peratus pada 2024, berbanding penurunan 0.2 peratus pada tahun sebelumnya.
- Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan peningkatan 7.9 peratus pada 2024 (2023: -13.8%) didorong terutamanya oleh indeks Penanaman tanaman kekal yang meningkat 14.1 peratus (2023: -23.1). Indeks Pengeluaran ternakan juga turut mencatatkan peningkatan sederhana sebanyak 1.2 peratus (2023: 6.8%).
- Sektor Perlombongan terus mencatatkan penurunan 2.0 peratus (2023: -5.9%) disebabkan oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah yang turun 2.8 peratus (2023: -10.1%). Dan indeks Pengekstrakan gas asli yang mencatatkan penurunan 0.2 peratus, (2023: 9.9%). Sementara itu, sektor Pembuatan terus mencatatkan peningkatan sederhana 0.3 peratus pada 2024 (2023: -0.2%) didorong oleh penurunan ketara dalam indeks Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis yang menurun 12.7 peratus (2023: -5.4%). Indeks Pembuatan kimia & produk kimia juga mencatatkan penurunan perlahan 0.8 peratus.
- Dari segi IHPR peringkat pemprosesan, indeks Barang siap meningkat 1.9 peratus pada 2024, (2023: 3.1%). Pada masa yang sama, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya turut meningkat 0.7 peratus (2023: -9.6%). Sementara itu, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen turun 0.5 peratus, berbanding penurunan 1.2 peratus (2023: -1.2%).

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPRP)

- IHPRP merekodkan peningkatan 0.7 peratus, berbanding 2.1 peratus pada 2023. Peningkatan ini disumbangkan terutamanya oleh indeks Kesenian, hiburan & rekreasi (6.7%), Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan & minuman (2.6%) dan Pendidikan (0.8%). Subsektor lain yang mencatatkan peningkatan adalah indeks Kesihatan dan Aktiviti hartanah, kedua-duanya meningkat 0.3 peratus, diikuti oleh indeks Profesional yang meningkat 0.2 peratus. Sebaliknya, indeks Pengangkutan turun 1.4 peratus, manakala indeks Maklumat & komunikasi kekal tidak berubah.

